

47 terima peralatan sekolah



BH (Kuantan) 8/1/13 ms 17

» MATAHARI, UMP beri keceriaan mulakan persekolahan

Oleh Shalfarina Shahri-
manbhnews@bharian.com.my

► Kuantan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) meneruskan tradisi tanggungjawab sosial korporat dengan memberi sumbangan kelengkapan peralatan sekolah kepada 47 kanak-kanak mangsa banjir, di Kampung Tengah dan Kampung Jawa, di sini.

Bantuan disalurkan menerusi Persatuan Wanita UMP (MATAHARI) bagi memberi keceriaan kepada kanak-kanak

berkenaan untuk memulakan sesi persekolahan.

Presiden Persatuan MATAHARI, Prof Madya Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim, berkata pihaknya prihatin dan simpati dengan nasib menimpa keluarga mangsa banjir, yang kehilangan harta benda dan kerugian.

“Kita terharu dengan semangat juang yang ditunjukkan mangsa biar pun masih bersedih dengan kejadian yang menimpa, namun mereka tetap kelihatan tabah dan masih mampu mengukir senyuman.

Ringan beban mangsa banjir

“Jadi, kita berbesar hati kerana dapat membantu meringankan beban ibu bapa dalam menyediakan kelengkapan persekolahan kepada anak,” katanya.

Beliau ditemui selepas menyampaikan sumbangan kelengkapan seperti baju, kasut dan beg sekolah kepada anak mangsa banjir, di Balai Raya Jawatankuasa



Seong (tengah) dan Daing Nasir Ibrahim (kiri) menyampaikan sumbangan pakaian sekolah kepada anak mangsa banjir di Kampung Tengah. [FOTO AINAL MARHATON ABD.GHANI / BH]

Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Tengah.

Hadir sama, Naib Canselor UMP, Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim; Pengerusi JKKK Kampung Tengah, Hazman Jaafar dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teruntum, Datuk Chang Hong Seong.

Sementara itu, Hazman berkata, mereka berterima

kasih dengan keprihatinan UMP dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat kepada masyarakat, terutama ketika mereka benar-benar memerlukan bantuan.

“Banjir adalah ujian kepada kami dan pada waktu ini juga kami dapat melihat semangat tolong-menolong yang dilakukannya di dalam masyarakat.